

01/10/1998

Dr Mahathir lawat Kubang Pasu esok

ALOR STAR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan sehari ke kawasan Parlimen Kubang Pasu, Jumaat ini.

Dr Mahathir dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, jam 8.45 pagi dan menyampaikan Anugerah Iskandar di Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini.

Beliau kemudian akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu sebelum menunaikan solat Jumaat dan makan tengah hari di Masjid Felda Guar Napai, dekat Jitra.

Selepas itu, Dr Mahathir menghadiri taklimat pembangunan daerah di Pejabat Daerah Kubang Pasu dan menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat, di Dewan Jitra.

(END)